

KEDIDI PASIR HIJAU
Green Sandpiper

FAMILI: Scolopacidae
NAMA SAINTIFIK: *Tringa ochropus*

CIRI-CIRI

Spesies ini agak kecil dan mempunyai kaki yang pendek. Bahagian atas kepala, belakang tengkuk, bahagian sisi dada dan bahagian atas badan berwarna coklat kehitaman. Terdapat bintik berwarna kuning pucat pudar pada bahagian atas badan dan pada bahagian pangkal sayap. Bahagian pipi dan keliling mata berwarna putih. Spesies ini hampir menyerupai spesies Kedidi Kayu, *Tringa glarcola* dan Kedidi Pasir, *Actitis hypoleucos*, cuma perbezaannya adalah spesies ini mempunyai bahagian atas kepala dan belakang tengkuk yang luas serta bahagian atas badan yang agak gelap, dada yang berjalur dan kaki yang berwarna hijau. Semasa terbang, kelihatan warna gelap pada bahagian atas ekor dan tongkeng. Bahagian ekor berwarna putih di mana terdapat 2 atau 3 jalur hitam melintang yang agak lebar. Bahagian kaki berwarna hijau kekelabuan yang pudar. Burung ini mempunyai saiz antara 21-24 sm.

HABITAT

Spesies ini dijumpai di kawasan tanah pamah yang berlumpur iaitu di kawasan hutan paya bakau dan kawasan tasik pada ketinggian sehingga ke 500 m dari paras laut.

TABIAT

Burung ini bersifat pemalu dan biasanya bergerak secara individu. Sekiranya berada dalam keadaan terancam burung ini akan terbang secara bengkok-bengkok dan mengeluarkan bunyi yang kuat dan nyaring *wit-wit-wit*.

BUNYI

Semasa terbang burung ini akan mengeluarkan bunyi *kiU-Uweet-wit-wit* dan juga *tluee-tweet*.